

Pentadbiran Myanmar komited mahu lanjutkan gencatan senjata

Komitmen diberi bagi bolehkan bantuan disalurkan kepada mangsa gempa bumi

Daripada Wan Zairul Azri Wan Mohammad Sudin
bhnews@bh.com.my
di Bangkok



Pentadbiran Myanmar komited untuk melanjutkan gencatan senjata bagi membolehkan bantuan kemanusiaan disalurkan ke negara berkenaan susulan gempa bumi pada hujung bulan lalu.

Komitmen itu diberikan dua pemimpin politik Myanmar kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam dua mesyuarat berasingan di sini, semalam dan kelmarin.

Perdana Menteri berkata, beliau mengadakan pertemuan bersemuka bersama Pengerusi Majlis Pentadbiran Negara (SAC) Myanmar, Jeneral Kanan Min Aung Hlaing, petang kelmarin.

Selang kira-kira 16 jam selepas itu, Perdana Menteri turut mengadakan mesyuarat secara maya dengan pemimpin Kerajaan Perpaduan Nasional (NUG) Myanmar, Mahn Win Khaing Than, pagi semalam.

"Saya lihat ada kecenderungan (dari pemimpin Myanmar) untuk meneruskan gencatan senjata kerana itu juga prasyarat untuk semua bantuan kemanusiaan (dihulurkan), tetapi mereka sebut peristiwa letupan itu berlaku, kita berharap ia dapat ditangani

dengan baik.

"Apakah ada pertemuan (dengan pemimpin Myanmar)? Kemungkinan besar memang kita akan teruskan perundingan ini," katanya pada sidang media semalam selepas mengakhiri lawatan kerja ke sini atas jemputan rakan sejawatannya dari Thailand, Paetongtarn Shinawatra.

Terdahulu, Anwar juga mengadakan pertemuan dengan bekas Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra merangkap Ketua Kumpulan Penasihat Tidak Rasmi kepada Pengerusi ASEAN sebelum keduanya bertemu Aung Hlaing.

Turut hadir, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi; Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz; Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Seri Amran Mohamed Zin serta Kuasa Usaha Sementara Malaysia ke Thailand, Bong Yik Jui.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, beliau juga menyuarakan kepada kedua-dua pemimpin terbabit bahawa gencatan senjata adalah penting dan bantuan kemanusiaan perlu dibenarkan ke seluruh Myanmar tanpa mengira lokasi atau pendirian politik selari pendirian ASEAN.

Jaminan itu telah diberikan Min Aung Hlaing dan Mahn Win Khaing Than.

"ASEAN mahu kedamaian disegerakan, ASEAN mahu bantu membangunkan semula Myanmar, ASEAN mahu kalau boleh Myanmar kembali untuk bersama (ASEAN).

"Rundingan awal bersama pemimpin SAC dan NUG ini sangat berjaya," katanya yang juga Pengerusi ASEAN bagi 2025.

Beliau berkata ASEAN juga



Anwar mengadakan perbincangan dengan Thaksin Shinawatra di Bangkok, kelmarin.

(Foto PMO)

bersedia memudahkan usaha terbabit dan berinteraksi dengan pemimpin Myanmar.

Katanya, negara anggota ASEAN juga telah menghulurkan bantuan kemanusiaan untuk membina semula Myanmar.

Malaysia telah menghantar Pasukan Mencari dan Menyelamatkan Khas Malaysia (SMART) dan penempatan hospital medan.

"Saya akan segera menghubungi rakan-rakan di ASEAN untuk memaklumkan kepada mereka (mengenai perkembangan ini) dan menggalakkan bantuan kemanusiaan disalurkan.

"Selain (ASEAN) memantau dan memastikan komitmen terhadap gencatan senjata serta mengelakkan sebarang provokasi yang tidak perlu, kerana jika tidak, seluruh bantuan kemanusiaan ini akan gagal," katanya.

Langkah reda ketegangan

Sementara itu, menulis di Facebook semalam, Anwar menyambut baik langkah terkini

untuk meredakan ketegangan termasuk pembebasan 4,800 tahanan malam kelmarin.

"Isyarat seperti ini amat bermakna. Kami (ASEAN) terus menggalakkan semua pihak untuk terlibat secara serius demi kestabilan Myanmar dan kesejahteraan rakyatnya," katanya dalam hantaran itu.

Perdana Menteri berkata walaupun ASEAN masih berpegang pada Konsensus Lima Perkara sebagai syarat utama kerjasama dengan Myanmar, pertemuan itu diadakan atas dasar kemanusiaan.

"Beliau (Khaing Than) menyatakan keterbukaan terhadap kemungkinan untuk bertemu secara bersemuka di Malaysia pada masa yang sesuai.

"Seperti mesyuarat saya sebelum ini dengan SAC, perbualan ini juga bersifat membina.

"Kedua-dua pihak tidak membantah terhadap pembabitan kami (ASEAN) dengan pihak yang lain," katanya

Gempa bumi kuat berukuran

7.7 skala Richter yang melanda Myanmar pada 20 Mac lalu mengorbankan 3,706 orang, dengan 5,017 lagi cedera dan 130 masih hilang setakat Selasa lalu.

Sementara itu, ketika ditemui di Putrajaya, Anwar berkata beliau akan mengadakan pertemuan dengan pemimpin negara ASEAN sebelum menganjurkan sebarang mesyuarat bagi mencari penyelesaian terhadap isu Myanmar.

Katanya komitmen negara ASEAN mengenai isu Myanmar ialah bersetuju untuk mengadakan perbincangan berterusan, secara inklusif dengan semua pihak berpandukan Konsensus Lima Perkara (5PC).

"Saya perlu berunding dengan rakan sejawatan saya, pemimpin ASEAN. Oleh kerana komitmen ASEAN adalah pembabitan berterusan (semua negara anggota), 5PC dan perbincangan inklusif dengan semua pihak, maka saya akan bawa semula ke ASEAN," katanya.